SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

selangorku

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : IPK.Sel. Pent. 100-10/4/2 (25)
Tarikh : 25 R'Awal 1434H
6 Februari 2013

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 5 TAHUN 2013

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 19 TAHUN 2012
KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL BAGI PEMBEKALAN DAN PENGIRIMAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE PIPE (HDPE) DI SELURUH MALAYSIA

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat pekeliling yang saya terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 31 Disember 2012 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** akan **para 1 hingga 18** surat pekeliling berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.

ATCHSURATHEBAHANSEL_22 TAHUN 2012

Setiausaha Kerajaan Selangor
30 JAN 2013
SUB (KP)

S/K.KEW/PK/KP/9999/140139/57/116 JLD.12 (SJ.8)(3)

16
DITERIMA
29 JAN 2013
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor D.E.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 19 TAHUN 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Agensi Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

SUB (KP)

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUN
Setiausaha Kerajaan Negeri
Selangor.

KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL BAGI PEMBEKALAN DAN PENGIRIMAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE PIPE (HDPE) DI SELURUH MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan memaklumkan mengenai kaedah perolehan Kontrak Pusat Sistem Panel (**Kontrak Panel**) bagi bekalan dan pengiriman *High Density Polyethylene Pipe* (HDPE) di seluruh Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju agar item *High Density Polyethylene Pipe* (HDPE) diuruskan melalui **Kontrak Panel**. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item tersebut hanya di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik.

3. Kriteria pelantikan syarikat panel pembekal adalah seperti berikut:

   i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembuat dalam kod bidang berkaitan (090199 : Pembuat HDPE Pipe)

   ii. Bertaraf Bumiputera sepanjang tempoh **Kontrak Panel** ini berkuat kuasa;

   iii. Produk mempunyai sijil perakuan yang masih sah tempoh daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau IKRAM QA Services Sdn. Bhd., mana yang berkaitan;

   iv. Produk hendaklah tersenarai dalam senarai bahan barangan buatan tempatan yang diiktirafkan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd.; dan

   v. Berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

MAKLUMAT SYARIKAT KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL

4. Maklumat syarikat panel pembekal bagi item *High Density Polyethylene Pipe* (HDPE) adalah seperti di **Lampiran A.**

5. Agensi hendaklah memastikan syarikat panel pembekal yang dilantik mengemukakan laporan seperti di **Lampiran B** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun sebelum 15 hari bulan berikutnya sebagai memenuhi keperluan **Kontrak Panel** ini.

TEMPOH KONTRAK

6. Tempoh **Kontrak Panel** adalah sehingga **31 Disember 2013.** Selepas tempoh tersebut, Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item *High Density Polyethylene Pipe* (HDPE) daripada **Kontrak Panel.**

KAEDAH DAN HAD NILAI PEROLEHAN

7. Perolehan bagi item *High Density Polyethylene Pipe* (HDPE) hendaklah diuruskan sendiri oleh setiap Agensi di kalangan syarikat panel pembekal yang telah dilantik dengan mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Had Nilai Perolehan	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Sehingga RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan mana-mana syarikat panel pembekal	Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
3.	Melebihi RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal	Lembaga Perolehan Agensi

8. Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000.00 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (**AP**) 176.1.

9. Kontrak formal hendaklah diwujudkan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000 bagi kontrak bermasa.

10. Kajian pasaran yang berpatutan hendaklah dibuat di kalangan panel pembekal bagi perolehan secara pembelian terus supaya Agensi mendapat tawaran yang paling munasabah dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.

PELAKSANAAN PEROLEHAN SECARA *eBIDDING*

11. Agensi Kerajaan adalah digalakkan untuk membuat perolehan secara *eBidding* di kalangan syarikat panel yang dilantik Kementerian Kewangan sahaja selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

12. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan *High Density PolyethylenePipe* (HDPE). Agensi tidak dibenarkan memperoleh daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

13. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan hendaklah memastikan senarai *Bill of Quantities (BQ)* dan dokumen perjanjian projek kerja dimasukkan syarat bahawa kontraktor mesti mendapat bekalan HDPE *Pipe* daripada pembekal yang telah disenaraikan dalam ***Lampiran A1, A2, A3 dan A4***. Bagi perolehan kerja yang dibuat selain daripada kaedah konvensional, keperluan atau syarat perolehan bagi produk yang tersenarai di kalangan panel pembekal yang dilantik hendaklah dijadikan sebagai **syarat mandatori** dalam dokumen tender dan dokumen perjanjian. Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi, kontraktor hendaklah mengemukakan salinan *delivery order* kepada Agensi semasa membuat tuntutan bayaran kemajuan.

HAL-HAL LAIN

14. Agensi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

i. Spesifikasi item ditetapkan sebelum pelawaaan sebut harga dibuat;

ii. Keluaran syarikat panel pembekal hendaklah memenuhi keperluan spesifikasi dan kualiti; dan

iii. Syarikat panel pembekal tidak dibenarkan **mensubkan** pembuatan *High Density Polyethylene Pipe* (HDPE) kepada pihak lain.

15. Agensi hendaklah memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati syarikat panel pembekal tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kementerian Kewangan boleh menggugurkan atau menarik balik pelantikan syarikat panel pembekal daripada **Kontrak Panel** sekiranya gagal mematuhi perkara-perkara yang ditetapkan di perenggan 3, 5 dan 14(iii).

16. Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat **Kontrak Panel** yang kurang memuaskan selaras dengan Lampiran 3 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2010 ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Bekalan dan Perkhidmatan)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

17. Sebarang pertanyaan mengenai **PKP** ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3239 atau 03-8882 4236.

KUAT KUASA

18. **PKP** ini berkuat kuasa mulai tarikh ditandatangani sehingga **31 Disember 2013**. Dengan berkuat kuasanya **PKP** ini, maka **PKP** Bil. 8 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HASHMUDDIN MOHAMMAD)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh: 31 Disember 2012

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

Lampiran A

SENARAI SYARIKAT KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL BAGI PEMBEKALAN DAN PENGIRIMAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE PIPE DI SELURUH MALAYSIA

Bil.	Syarikat	Alamat	Perincian Bank	Rujukan Produk Keluaran Syarikat
1.	MRPI Pipes Sdn Bhd	Lot 5, Jalan Perusahaan 2 Kawasan Perindustrian Bukit Raja **41050 Klang** Selangor No. Tel : 03-3343 0407/0470 No. Faks : 03-3343 0400/0408 E-mel: enquiries@mrpi.com.my	CIMB Bank Berhad Jalan Raja Chulan **50200 Kuala Lumpur** No. Akaun Bank: 1414-0021322-05-2	***Lampiran A1***
2.	Dura-Mine Sdn Bhd	Unit 1058, 10th Floor Block A2 Pusat Dagang Setia Jaya Jalan PJS 8/9 Sunway **46150 Petaling Jaya** Selangor No. Tel : 03-7875 2888 No. Faks : 03-7876 9088 E-mel: info@dura-mine.com	CIMB Bank Berhad Seksyen 52 Branch Lot 27, 29 & 31 Jalan 52/2 **46200 Petaling Jaya** Selangor No. Akaun Bank: 1248-0005144-05-5	***Lampiran A2***
3.	Polyolefins Pipe Berhad	3rd Floor Lot 2,4 & 6 Jalan 51A/222 **46100 Petaling Jaya** Selangor No. Tel : 03-7873 3388 No. Faks : 03-7876 7788 E-mel : ivan@polypipe.com.my	Malayan Banking Berhad No. 11, Jalan 51A/222 **46100 Petaling Jaya** Selangor No. Akaun Bank: 014301-307215	***Lampiran A3***
4.	Polyflow Teguh Sdn Bhd	Lot 626, Block 4 Muara Tebas Land District Jalan Bako, Petra Jaya **93050 Kuching** Sarawak No. Tel : 082-432 912 No. Faks : 082-433 194 E-mel : ramontaki@yahoo.com.sg	OCBC Bank (M) Berhad UG Floor, Gateway Kuching No. 9, Jalan Bukit Mata **93100 Kuching** Sarawak No. Akaun Bank : 7601076599	***Lampiran A4***
5.	Weidasar Sdn. Bhd.	Lot 8729, 126-B Tingkat 1, Green Heights Commercial Centre Jalan Lapangan Terbang **93250 Kuching** Sarawak No. Tel : 082-450 910 No. Faks : 082-460 910 E-mel:weidasarkc@weidasar.com.my	Malayan Banking Berhad Jalan Tunku Abdul Rahman **Kuching** Sarawak No. Akaun Bank : 511038080242	***Lampiran A5***

LAMPIRAN A1

HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE
MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058:PART 2:2005
(MRPI PIPES SDN. BHD.)

SAIZ (MM)	PRODUK				
	PN 6	PN 8	PN 10	PN 12.5	PN 16
20	-	-	-	√	√
25	-	-	√	√	√
32	-	√	√	√	√
40	√	√	√	√	√
50	√	√	√	√	√
63	√	√	√	√	√
75	√	√	√	√	√
90	√	√	√	√	√
110	√	√	√	√	√
125	√	√	√	√	√
140	√	√	√	√	√
160	√	√	√	√	√
180	-	√	√	√	√
200	-	√	√	√	√
225	√	√	√	√	√
250	√	√	√	√	√
280	√	√	√	√	√
315	√	√	√	√	√
355	√	√	√	√	√
400	√	√	√	√	√
450	√	√	√	√	√
500	-	-	√	√	-
560	-	-	√	√	-
630	-	-	-	-	-

LAMPIRAN A2

PEMBEKALAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058 (DURA-MINE SDN. BHD.)

SAIZ (MM)	PRODUK				
	PN 6.3	PN 8	PN 10	PN 12.5	PN 16
16	-	-	-	-	√
20	√	√	√	√	√
25	√	√	√	√	√
32	√	√	√	√	√
40	√	√	√	√	√
50	√	√	√	√	√
63	√	√	√	√	√
75	√	√	√	√	√
90	√	√	√	√	√
110	√	√	√	√	√
125	√	√	√	√	√
140	√	√	√	√	√
160	√	√	√	√	√
180	√	√	√	√	√
200	√	√	√	√	√
225	√	√	√	√	√
250	√	√	√	√	√
280	√	√	√	√	√
315	√	√	√	√	√
355	√	√	√	√	√
400	√	√	√	√	√
450	√	√	√	√	√
500	√	√	√	√	√
560	-	-	-	-	-
630	-	-	-	-	-

LAMPIRAN A3

HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE
MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058:PART 2:2005
(POLYOLEFINS PIPE BERHAD)

SAIZ (MM)	PRODUK				
	PN 6	PN 8	PN 10	PN 12.5	PN 16
16	-	-	-	-	√
20	-	-	-	-	√
25	-	-	√	√	√
32	-	√	√	√	√
40	√	√	√	√	√
50	√	√	√	√	√
63	√	√	√	√	√
75	√	√	√	√	√
90	√	√	√	√	√
110	√	√	√	√	√
125	√	√	√	√	√
140	√	√	√	√	√
160	√	√	√	√	√
180	√	√	√	√	√
200	√	√	√	√	√
225	√	√	√	√	√
250	√	√	√	√	√
280	√	√	√	√	√
315	√	√	√	√	√
355	√	√	√	√	√
400	√	√	√	√	√
450	√	√	√	√	√
500	√	√	√	√	√
560	√	√	√	√	-
630	√	√	√	√	-

LAMPIRAN A4

PEMBEKALAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058 (POLYFLOW TEGUH SDN. BHD.)

SAIZ (MM)	PRODUK				
	PN 6	PN 8	PN 10	PN 12.5	PN 16
16	-	-	-	-	√
20	-	-	-	√	√
25	-	-	√	√	√
32	-	√	√	√	√
40	-	√	√	√	√
50	√	√	√	√	√
63	√	√	√	√	√
75	√	√	√	√	√
90	√	√	√	√	√
110	√	√	√	√	√
125	√	√	√	√	√
140	√	√	√	√	√
160	√	√	√	√	√
180	√	√	√	√	√
200	√	√	√	√	√
225	√	√	√	√	√
250	√	√	√	√	√
280	√	√	√	√	√
315	√	√	√	√	√
355	√	√	√	√	√
400	√	√	√	√	√
450	√	√	√	√	√
500	√	√	√	√	√
560	-	-	-	-	-
630	-	-	-	-	-

LAMPIRAN A5

PEMBEKALAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058:PART 2:2005 (WEIDASAR SDN. BHD.)

SAIZ (MM)	PRODUK			
	PN8	PN10	PN12.5	PN16
20	-	-	-	√
25	-	√	√	-
32	√	√	√	-
40	√	√	√	-
50	√	√	√	-
63	√	√	√	-
75	√	√	√	-
90	√	√	√	-
110	√	√	√	-
125	√	√	√	-
140	√	√	√	-
160	√	√	√	-
180	√	√	√	-
200	√	√	√	-
225	√	√	√	-
250	√	√	√	-
280	√	√	√	-
315	√	√	√	-
355	√	√	√	-
400	√	√	√	-
450	√	√	√	-
500	-	√	-	-
560	-	-	-	-
630	-	-	-	-

LAMPIRAN B

PENYATA PESANAN

NAMA ITEM: HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE
BEKALAN BAGI BULAN _____ / _____

BIL.	NAMA AGENSI	KAEDAH PEROLEHAN (PEMBELIAN TERUS/SEBUT HARGA/TENDER	NO. PESANAN/TARIKH PESANAN	KUANTITI PESANAN	NILAI (RM)	TARIKH BEKALAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN
	JUMLAH							

Adalah disahkan bahawa penyata di atas adalah benar.
Tandatangan Kontraktor:
Nama Dan Jawatan:
Tarikh Dan Cop Syarikat:

Nota: Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun walaupun syarikat tidak menerima pesanan..